Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pertumbuhan menyeluruh di kesemua sektor pada tahun 2002 telah memperkukuh daya tahan ekonomi Malaysia. Pertumbuhan adalah lebih seimbang, antara sumber pertumbuhan dalam dan luar negeri, peranan sektor swasta dan awam serta prestasi pelbagai sektor ekonomi. Pertumbuhan yang menyeluruh dan lebih seimbang ini turut menyumbang kepada pengukuhan daya tahan ekonomi menerusi struktur ekonomi yang lebih pelbagai, serta memperluas kaedah pertumbuhan untuk memberi manfaat kepada semua segmen ekonomi.

Pada tahun 2002, ekonomi global terus terjejas berikutan keadaan tidak menentu serta kelemahan struktur asas. Sungguhpun pemulihan ekonomi global adalah perlahan dan tidak setara pada tahun 2002, perkembangan di Asia adalah lebih positif. Secara keseluruhan, ekonomi serantau mendapat manfaat daripada pemulihan global di sektor elektronik dan peningkatan perdagangan intraserantau. Sesungguhnya, peningkatan dalam perdagangan intraserantau telah mewujudkan sumber-sumber pertumbuhan dalaman baru yang dinamik dan saling mengukuh di rantau ini. Walaupun ekonomi Malaysia dipengaruhi oleh perkembangan luar negeri, dasar pada tahun 2002 tertumpu ke arah mengekalkan permintaan dan menggalakkan sumber pertumbuhan dalam negeri yang seterusnya telah menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih seimbang.

Hasil positif daripada inisiatif dasar makroekonomi yang dilaksanakan adalah pengukuhan aktiviti penggunaan dan pemulihan pelaburan sektor swasta pada tahun 2002. Dasar ini juga telah mengukuhkan lagi asas kewangan dan ekonomi. Asas-asas makroekonomi yang semakin teguh sememangnya merupakan sumber kekuatan yang menyumbang kepada daya tahan Malaysia yang lebih mantap bagi menghadapi sebarang kemungkinan ketidakstabilan dalam ekonomi berikutan perkembangan luar negeri. Ini juga membolehkan dasar ditumpukan kepada strategi jangka panjang untuk meneruskan usaha mempelbagai dan meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia.

Walaupun arah pertumbuhan ekonomi kekal positif, prospek pada tahun 2003 terjejas oleh persekitaran luar negeri yang semakin buruk. Selagi ketegangan geopolitik berterusan, prospek pertumbuhan akan terjejas oleh kesan negatifnya ke atas pertumbuhan global. Risiko daripada perkembangan geopolitik dijangka meningkatkan kos, bukan sahaja kepada negara yang terlibat secara langsung, bahkan kepada ekonomi dunia. Walaupun tindak balas dasar global dan serantau diselaraskan bagi membendung kesan risiko ini, pertumbuhan global berkemungkinan akan lebih perlahan daripada yang dijangka. Meskipun begitu, kebanyakan unjuran bagi rantau Asia

menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan bagi tahun 2003 akan kekal pada paras tahun 2002. Berlatarbelakangkan keadaan ini, arah aliran asas ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 4.5%. Kemampuan untuk mengekalkan pertumbuhan bergantung kepada keupayaan untuk beralih kepada pertumbuhan ekonomi di mana permintaan dalam negeri memainkan peranan yang semakin meningkat, disokong oleh pertumbuhan kukuh aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta yang berterusan.

Dasar-dasar makroekonomi membolehkan proses pemulihan yang dicapai dalam tahun 2002 diteruskan, dalam keadaan asas ekonomi yang bertambah baik. Walaupun sektor awam telah memainkan peranan penting dalam mengurangkan tahap kitaran ekonomi dengan berkesan, ia tidak boleh terus menjadi penjana pertumbuhan pada masa hadapan. Peranan dasar fiskal telah berubah, lebih ke arah mewujudkan suasana yang membolehkan sektor swasta menerajui pertumbuhan ekonomi. Sementara dasar fiskal yang mengembang pada tahun 2002 telah menyediakan rangsangan kitar balas ke atas permintaan, objektif yang lebih penting bagi langkah-langkah fiskal ialah untuk meningkatkan kapasiti produktif jangka panjang dalam ekonomi. Dasar fiskal pada tahun 2002 disokong oleh prestasi hasil yang kukuh. Namun demikian, Malaysia kekal komited kepada dasar fiskal berhemat bagi mengekalkan dasar fiskal yang mapan dan fleksibel pada jangka panjang. Sehubungan dengan itu, walaupun konsolidasi semakin penting, langkah-langkah dasar fiskal yang lebih menjurus ke arah meningkatkan penawaran dan pengeluaran akan terus memainkan peranan yang berkesan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang diterajui oleh sektor swasta.

Dalam persekitaran yang tidak menentu pada tahun 2003, dasar monetari akan kekal akomodatif. Sementara dasar monetari terus mempunyai fleksibiliti untuk bertindak balas kepada perubahan keadaan ekonomi dan monetari, dasar untuk menggalakkan aktiviti sektor swasta perlu meliputi lebih daripada dasar makroekonomi. Bagi tujuan ini, Malaysia mempunyai pelbagai langkah dasar yang boleh dilaksanakan. Ini termasuk dasar-dasar dari segi penawaran untuk menyokong aktiviti sektor swasta, mengurangkan kos perniagaan, membuka peluang baru untuk sektor swasta dan meningkatkan kecekapan sektor awam dalam melicinkan proses pertumbuhan. Sehubungan itu, dasar tertumpu kepada strategi pertumbuhan yang lebih luas yang akan menyokong sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan, menggalakkan sumber pertumbuhan yang baru dan meningkatkan daya saing ekonomi secara menyeluruh.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan sumber pertumbuhan dalaman dan mengukuhkan prospek pertumbuhan yang lebih menyeluruh, Bank Negara Malaysia telah menyediakan satu laporan cadangan rangka kerja bagi pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Ianya bertujuan untuk mengukuhkan infrastruktur yang diperlukan bagi pembangunan PKS, membina kapasiti PKS dan meningkatkan akses mereka kepada pembiayaan, seterusnya meningkatkan sumbangan PKS kepada pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Satu Jawatankuasa Pemandu Antara Kementerian telah dibentuk untuk menerajui usaha ini. Bank Negara Malaysia akan menjalin kerjasama yang rapat dengan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan PKS serta sektor swasta bagi memastikan pencapaian maksimum dalam meningkatkan potensi sumbangan PKS kepada ekonomi.

Pada tahun 2002, kemajuan ketara telah dicapai dalam beberapa bidang di sektor kewangan. Kemajuan besar yang dicapai dalam usaha penstrukturan semula, pembangunan institusi, pembangunan infrastruktur kewangan dan penggubalan undang-undang baru semuanya telah menyumbang kepada pengukuhan asas sektor kewangan dan mewujudkan sektor kewangan yang semakin berdaya tahan. Proses penstrukturan semula bukan sahaja telah menangani kelemahan dan mengekalkan kestabilan sistem perbankan, bahkan turut meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem tersebut. Institusi-institusi yang ditubuhkan pada tahun 1998, iaitu Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) pada dasarnya telah mencapai objektif dan hampir menamatkan operasi mereka. Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat telah dibubarkan pada Ogos 2002, sementara Danaharta dan Danamodal telah mula mengurangkan operasinya. Tahun 2002 juga menyaksikan kejayaan penggabungan institusi perbankan domestik kepada sepuluh kumpulan bank.

Dengan kedudukan kunci kira-kira yang lebih kukuh, tumpuan usaha sektor perbankan terus beralih kepada penyelesaian isu-isu yang lebih kritikal yang membabitkan peningkatan kapasiti dan keberkesanan institusi perbankan bagi memastikan daya saing dan kepentingan jangka panjang. Justeru, sumber-sumber telah ditumpukan ke arah meningkatkan kecekapan teras, terutamanya keupayaan dalam mengurus risiko. Sementara usaha untuk meletakkan asas kukuh adalah penting, usaha untuk merapatkan jurang memerlukan alternatif selain daripada pendekatan tambahan bagi meningkatkan prestasi. Dengan bertambahnya penglibatan pemegang saham sebagai peneraju utama

kepada pertumbuhan dan prestasi, penekanan terhadap pengurusan nilai pemegang saham dan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna akan menjadi elemen yang boleh membezakan antara sesebuah bank. Cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh institusi kewangan adalah untuk menyelaraskan budaya pengurusan risiko dan keperluan untuk memaksimumkan nilai pemegang saham, serta mempertimbangkan keperluan masyarakat dalam mencapai pertumbuhan jangka panjang yang mapan. Bagi mencapai hasrat ini, perlu ada keseimbangan antara objektif institusi dan matlamat pembangunan negara yang lebih luas.

Kualiti kemahiran dan pengurusan yang berkaliber merupakan prasyarat yang penting bagi membangun sektor kewangan yang cekap, dinamik dan berdaya saing. Pengurus yang berkemahiran tinggi diperlukan untuk memaksimumkan peluang yang wujud daripada landskap kewangan yang berubah-ubah. Bagi mencapai tujuan ini, Bank Negara Malaysia kini di peringkat terakhir untuk menubuhkan Institut Perkhidmatan Kewangan yang mempunyai pendekatan khusus dan bersepadu dalam mempertingkatkan kebolehan pengurusan kanan di sektor kewangan. Menerusi hubungan strategik dengan pusat pengajian perniagaan dan institusi pendidikan tinggi antarabangsa yang terkemuka, Institut ini akan menawarkan kursus pengurusan strategik serta program khusus dalam industri perkhidmatan kewangan. Institut ini dijangka menjadi pusat serantau yang unggul khusus untuk mempertingkatkan kualiti sumber manusia dalam industri kewangan domesik dan serantau.

Sumber-sumber pembiayaan bukan bank menjadi semakin penting ekoran kepelbagaian infrastruktur kewangan. Walaupun industri perbankan terus menjadi sumber pembiayaan utama, tahun 2002 menyaksikan peningkatan pembiayaan melalui pasaran modal, khususnya daripada pasaran sekuriti hutang, institusi kewangan pembangunan dan pembiayaan modal teroka. Terdapat perubahan ketara dalam corak aktiviti pemberian pinjaman sektor perbankan. Pada tahun 2002, persekitaran kadar faedah yang rendah telah menyokong pertumbuhan yang kukuh dalam aktiviti pemberian pinjaman. Pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah dan perniagaan telah meningkat, terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana. Peningkatan kepelbagaian aktiviti pemberian pinjaman oleh sistem perbankan meliputi keseluruhan sektor ekonomi.

Walaupun keutamaan diberi ke arah memperkukuhkan infrastruktur kewangan, meningkatkan akses dana kepada segmen komuniti perniagaan yang lebih luas dalam sektor pertumbuhan baru dan perusahaan berskala kecil dan sederhana, keperluan untuk membiayai perusahan kecil adalah sama penting. Infrastruktur kewangan formal yang

tersusun dan komprehensif perlu dibangunkan bagi memastikan peningkatan akses kepada pembiayaan untuk perusahaan kecil, seterusnya meningkatkan peluang memperoleh pembiayaan kepada spektrum ekonomi yang lebih luas. Ini bertujuan untuk memastikan supaya perusahaan kecil dan sektor tidak formal dalam ekonomi mempunyai peluang memperoleh pelbagai jenis perkhidmatan kewangan. Pendekatan yang diambil adalah untuk meneguhkan infrastruktur kewangan yang sedia ada di samping memperkenalkan penyusunan institusi baru, dengan objektif untuk menambahkan lagi infrastruktur kewangan supaya boleh terus dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat.

Tahun 2002 menyaksikan perbankan dan kewangan Islam berkembang dan membangun dengan pesat. Perkembangan pesat aktiviti kewangan Islam telah meningkatkan kepentingan relatifnya untuk mencakupi 9% daripada sistem perbankan negara. Produk dan perkhidmatan baru terus diperkenalkan, sementara kemajuan juga dicapai dalam mempertingkatkan daya saing produk kewangan Islam. Perkembangan ini dilengkapi oleh peranan yang dimainkan oleh Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan dalam membangunkan kewangan Islam khusus di Malaysia. Dengan kemajuan yang dicapai, jangka masa liberalisasi industri perbankan Islam terhadap peserta asing boleh dipercepatkan bukan sahaja bagi meningkatkan potensi untuk berkembang tetapi juga mewujudkan integrasi antarabangsa yang lebih padu. Tahun 2002 memperlihatkan beberapa mercu tanda penting dalam pembangunan sistem perbankan dan kewangan Islam global. Penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI) di Kuala Lumpur pada November 2002 merupakan kemuncak kepada usaha selama dua tahun untuk menyediakan infrastruktur organisasi yang akan menyumbang ke arah memastikan keutuhan dan kestabilan sistem kewangan Islam. Ia juga membuka laluan kepada integrasi antara sistem kewangan Islam global dan sistem kewangan antarabangsa. Penerbitan sijil berasaskan prinsip Islam yang pertama oleh Kerajaan Malaysia bernilai AS$600 juta di pasaran antarabangsa pada bulan Jun 2002 menandakan satu lagi kemajuan penting dalam pembangunan pasaran kewangan antarabangsa Islam. Perkembangan dalam dan luar pesisir ini, dari segi kewangan, telah menempatkan Malaysia di persada kewangan antarabangsa.

Di sektor insurans, tumpuan diberi kepada penyatuan inisiatif pembinaan kapasiti yang telah diambil setakat ini. Ia bertujuan menyediakan asas yang kukuh untuk mengekalkan kestabilan industri dalam persekitaran yang lebih berdaya saing. Usaha ke arah ini termasuk meningkatkan piawaian pengurusan risiko berhemat bagi industri insurans, menyediakan pengguna bagi menghadapi landskap kewangan yang lebih pelbagai dan

mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna. Pembangunan rangka kerja modal berasaskan risiko bertujuan untuk memastikan syarikat insurans, kekal kukuh dalam suasana perniagaan yang sentiasa berubah. Pada masa yang sama, ini meningkatkan insentif bagi syarikat insurans untuk menguruskan risiko dengan sewajarnya. Ia akan dibantu oleh infrastruktur pemantauan yang lebih teguh yang dicirikan oleh keupayaan teknologi yang lebih baik dan proses pengawalan campur tangan yang lebih rapi. Dari aspek pengguna, selain daripada langkah-langkah untuk menggalakkan pendedahan dan ketelusan amalan perniagaan insurans, peluang yang tersedia bagi pengguna untuk membuat tuntutan penyelesaian sedang diperluaskan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkukuh rangka kerja pengawalan, langkah-langkah yang diambil tertumpu ke arah memperbaiki rangka kerja perundangan melalui penggubalan Akta Institusi Kewangan Pembangunan, 2002 (AIKP) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, 2001 (AMLA). Dengan penggubalan AIKP, enam buah institusi kewangan pembangunan kini berada di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia. Memandangkan institusi kewangan pembangunan ini ditubuhkan untuk mencapai objektif nasional yang khusus, usaha telah ditumpukan kepada pengukuhan institusi tersebut. AMLA berkuat kuasa pada bulan Januari 2002, dengan Bank Negara Malaysia dikenal pasti sebagai agensi penguatkuasa. Akta ini memperkukuhkan iltizam Malaysia terhadap usaha global untuk memerangi pengubahan wang haram, pembiayaan kegiatan pengganas dan jenayah serius. Ini juga telah merintis jalan kepada kerjasama di peringkat antarabangsa yang seterusnya akan menyumbang kepada pengekalan integriti sistem kewangan secara keseluruhan.

Di pertengahan tahun 2003, satu undang-undang berkaitan sistem pembayaran dijangka digubal bagi memberi mandat kepada Bank Negara Malaysia untuk menyelia dan membantu sistem pembayaran dengan lebih efektif. Sistem pembayaran di Malaysia terus berkembang dengan pengenalan teknologi baru, selaras dengan peningkatan penggunaan saluran pembayaran elektronik oleh pengguna dan korporat. Beberapa proses saluran penghantaran yang inovatif telah diperkenalkan berdasarkan kepada penggunaan sistem pembayaran elektronik, termasuk penggunaan perbankan internet dan tanpa wayar, justeru meningkatkan potensi kecekapan ekonomi. Bank Negara Malaysia telah memberi keutamaan kepada pembangunan dan penggunaan media pembayaran yang lebih selamat dan berkesan. Terutamanya, penggunaan teknologi cip dalam kad pembayaran dan infrastruktur rangkaian, menyediakan platform bagi industri

pembayaran yang lebih selamat dan boleh terus berkembang. Sebagai sebahagian daripada proses ini, kesedaran pengguna dan ketelusan pasaran terus dipertingkatkan. Kesedaran dan pendidikan pengguna juga diperhebatkan bagi menambah pemahaman tentang faedah dan risiko yang wujud di industri pembayaran. Perkembangan ini menggariskan landskap kewangan yang sentiasa berubah bagi industri pembayaran, yang pada jangka panjang akan menyumbang kepada penggunaan sumber ekonomi negara yang lebih optimum.

Dalam membangunkan sektor kewangan yang lebih liberal dan berdaya saing, langkah-langkah telah diambil untuk meningkatkan rangka kerja perlindungan pengguna serta mewujudkan konsumerisme yang lebih aktif. Sebagai sebahagian daripada proses ini, rangka kerja konsep dan strategi keseluruhan serta ciri-ciri reka bentuk untuk menubuhkan skim insurans deposit telah dibentuk pada tahun 2002. Usaha juga telah dimulakan untuk merangka program pendidikan pengguna yang tersusun bagi tempoh 10 tahun bermula pada awal tahun 2003. Pelaksanaan rangka kerja baru ini, yang merangkumi pengukuhan rangka kerja institusi bagi penyelesaian aduan pengguna serta meningkatkan ketelusan institusi dan produk untuk menambah tahap celik kewangan di kalangan pengguna, merupakan bidang yang akan terus diberi tumpuan di masa hadapan. Ini akan dilengkapkan dengan pembangunan indeks kualiti perkhidmatan sebagai sebahagian daripada usaha menanda aras di peringkat industri.

Malaysia juga terlibat secara aktif dalam mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan serantau. Dalam suasana global yang tidak menentu, proses pemantauan serantau dapat menyediakan platform penting kepada negara-negara untuk bertukar pandangan mengenai perkembangan yang mempengaruhi rantau dan berkongsi pengalaman mengenai pelbagai pilihan dasar. Di samping itu, proses ini menilai isu-isu yang menjadi kebimbangan bersama. Kemajuan penting telah dicapai dalam mempertingkatkan pemantauan serantau dalam konteks ASEAN+3, termasuk mengkaji semula kaedah-kaedah yang diguna pakai untuk memperkukuh keberkesanan proses pemantauan. Kerjasama serantau dalam bidang kewangan di bawah Inisiatif Chiang Mai telah diperkukuhkan dengan termeterainya beberapa Peraturan Swap Dua Hala, termasuk yang ditandatangani di antara Malaysia, Korea dan Republik Rakyat China. Langkah-langkah penting untuk membangunkan pasaran bon serantau dan menubuhkan dana bon serantau juga sedang dilaksanakan bagi mengeratkan kerjasama dalam bidang kewangan di Asia.

Persekitaran di mana Bank Negara Malaysia beroperasi jelas telah berubah. Untuk terus bersedia menangani cabaran-cabaran baru, kajian semula orientasi strategik dan bidang keutamaan akan terus dilaksanakan. Khususnya, meskipun kestabilan kewangan dan monetari kekal sebagai tanggungjawab utama, peranan pembangunan yang dimainkan oleh Bank Negara Malaysia dalam menerajui evolusi sistem perbankan yang lebih meluas menjangkaui fungsi asas di bawah bidang kuasanya. Sehubungan ini, peranan Bank Negara Malaysia meliputi kajian semula ke atas infrastruktur yang sedia ada, pembangunan penyusunan institusi baru dan penyediaan sokongan umum terhadap dasar dan institusi.

Dalam hal ini, dengan wawasan dan objektif yang telah ditentukan, pendekatan yang diambil adalah berdasarkan rundingan dan persetujuan bersama. Pembangunan sistem kewangan adalah hasil usaha sama pengawalselia, Kerajaan, industri dan peserta pasaran. Dengan ini, matlamat bersama dapat dicapai demi kepentingan negara.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

26 Mac 2003